

07 JUN 1996

Shahidan-Tebus Guna

PERLIS BERI KONTRAK KEPADA 13 PEMAJU UNTUK TEBUS GUNA TANAH

KANGAR, 7 Jun (Bernama) -- Kerajaan Perlis meluluskan kontrak projek tebus guna tanah kepada 13 buah syarikat tempatan untuk memajukan kawasan seluas 2,600 hektar di persisiran pantai negeri ini

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata setiap syarikat yang diberi konsesi itu dibenarkan menjalankan kerja-kerja tebus guna sehingga melebihi 200 hektar mengunjur ke laut dalam kawasan masing-masing.

Keputusan itu diluluskan pada mesyuarat exco negeri dua hari lepas, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata dengan perlaksanaan projek tebus guna itu keseluruhan kawasan pesisir pantai Perlis daripada sempadan Thailand di utara sehingga ke sempadan Kedah di selatan Perlis sejauh kira-kira 15 kilometer akan bangunkan dengan pelbagai kemudahan termasuk kawasan komersil, industri kecil dan sederhana, hotel, perumahan, jeti yang moden serta marina.

Beliau berkata, syarikat yang diberi kontrak itu diarah berbuat sesuatu terhadap kawasan tebus guna masing-masing dalam masa enam bulan mulai hari ini dan kerajaan akan menarik balik konsesi itu sekiranya mereka gagal berbuat demikian.

Kesemua syarikat tersebut telah menandatangani memorandum persefahaman secara serentak disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan rasminya ke negeri ini pada 12 April lepas.

Menurut Shahidan, tujuan kerajaan negeri memajukan kawasan pesisir pantai ialah untuk membangunkan ekonomi negeri dengan pesat.

Beliau berkata, tanah-tanah yang ditebus guna itu akan diberi percuma kepada pemaju terbabit selepas mereka berjaya menyiapkan projek masing-masing.

Sementara itu semasa diminta mengulas mengenai arahan kerajaan pusat supaya kerajaan-kerajaan negeri menggantikan semula kawasan tanah rizab Melayu yang diambil untuk tujuan pembangunan Shahidan berkata, masalah itu tidak berlaku di negeri ini.

Menurut beliau, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian kepada soal itu kerana Perlis tidak mempunyai tanah yang luas.

Seperti yang sedang dilakukan kerajaan akan menggantikan semula tanah rizab Melayu yang dimajukan dengan tanah lain yang sama harga dan luas dengan tanah yang diambil, katanya.

Bagaimanapun beliau berkata, kerajaan negeri akan terus menyiasat rekod-rekod lama bagi memastikan perkara itu tidak berlaku pada masa lampau walaupun mengikut rekod tidak ada tanah yang sama nilai dan luas yang tidak digantikan. -- BERNAMA

IQ PR